

HONG LEONG BANK BERHAD DAN HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD
“TRANSAKSI PIN DENGAN 30% PULANGAN TUNAI” KAD KREDIT/DEBIT HONG LEONG

Dikemaskini pada 7 Disember 2016

“Transaksi PIN Dengan 30% Pulangan Tunai hingga RM100.00” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”), Mach oleh Hong Leong Bank (“Mach”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) [HLB, Mach dan HLISB secara kolektif disebut “Bank”] bermula dari **1 Januari 2017** dan berakhir pada **30 Jun 2017**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

1. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang kad utama kredit dan debit HLB, Mach dan HLISB sedia ada dan baru yang memiliki kad boleh-PIN sah yang membolehkan penggunaan PIN 6-digit di Terminal Tempat Jualan (“POS”) bagi tujuan pembayaran, kemudian daripada ini disebut secara kolektif “Pemegang Kad Layak”.
2. Yang berikut ini **TIDAK** layak menyertai Kempen / Pemegang Kad Layak tidak termasuk yang berikut:
 - a. Pemegang Kad yang memiliki Kad Kredit / Debit Bank yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - b. Pemegang Kad yang memiliki Kad Debit Junior Bank;
 - c. Pemegang Kad yang akaun Kad Debit / Kredit mereka TIDAK berkedudukan baik, tak aktif, dipautkan kepada Akaun Semasa / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan / Akaun Simpanan-i (“CASA/CASA-i”) yang sudah ditutup atau tak aktif atau yang melanggar mana-mana terma dan syarat Bank mengenai akaun Kad Kredit / Debit dan/atau akaun CASA/CASA-i pada bila-bila masa dalam Tempoh Promosi;
 - d. Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit / Debit mereka dipercayai telah dikendalikan secara tipu, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Kredit / Debit mereka tak sah atau dibatalkan menurut takrif Bank pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen sehingga tamat tempoh pemenuhan; dan/atau
 - e. Pemegang Kad yang merupakan pelanggan Perbankan Persendirian Bank.

PENDAFTARAN SMS

3. Untuk menyertai Kempen, Pemegang Kad Layak mestilah melakukan pendaftaran sekali dengan cara menghantar SMS kepada 66600 (“Nombor Ditetapkan”) mengikut arahan seperti berikut (“Pendaftaran SMS”)

Contoh: Jawab P1<Jarak><No. KP/Pasport>

#	Saluran	Kod
1	Laman Web HLB	P1
2	Facebook HLB	P2
3	SMS	P3
4	e-Direct Mailer	P4
5	Sepanduk e-Penyata	P5
6	Mach Branch Media Wall	P6
7	Skrin ATM	P7
8	Tent Card & Pelekat	P8
9	Sampul Surat	P9
10	Kiriman Pengaruh Sosial	P10

4. Bagi mengelakkan keraguan, penyertaan dalam Kempen hanya akan bermula dari tarikh Bank menerima Pendaftaran SMS (“Tarikh Pendaftaran SMS”).

Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Kredit Bank juga akan didaftarkan secara automatik untuk menyertai “Kempen #100 Happy Days” Kad Kredit Hong Leong. Terma dan Syarat “#100 Happy Days” selengkapnya boleh disemak di <https://www.hlb.com.my/main/promotion/20161115-001-happy-days>

5. Pemegang Kad Layak adalah bertanggungjawab untuk:
 - (a) Menyemak dan memastikan bahawa penyedia perkhidmatan telekomunikasi (“Telko”) masing-masing berupaya menyokong penghantaran SMS kepada Nombor Ditetapkan dalam Tempoh Kempen: dan
 - (b) Membayar caj SMS standard seperti yang dikenakan oleh Telko masing-masing bagi setiap SMS yang dihantar di bawah Kempen ini kepada Nombor Ditetapkan. Pada masa ini Telko yang berupaya menyokong penghantaran SMS kepada Nombor Ditetapkan adalah Celcom, Maxis, Digi dan uMobile. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan mahupun bertanggungjawab jika Telko bagi Pemegang Kad Layak itu tidak berupaya menyokong penghantaran SMS kepada Nombor Ditetapkan.
6. Pemegang Kad Layak bertanggungjawab memastikan bahawa butir-butir dalam Pendaftaran SMS yang dihantar kepada Nombor Ditetapkan adalah tepat, lengkap dan mengikut Tempoh Kempen, jika tidak, Pendaftaran SMS Pemegang Kad Layak tidak akan diproses dan sehubungan dengan itu, Bank tidak akan bertanggungjawab jika sekiranya Pemegang Kad Layak tidak dapat menyertai Kempen disebabkan Pendaftaran SMS tidak berjaya..
7. Pemegang Kad Layak akan menerima pengesahan SMS daripada Nombor Ditetapkan bagi Pendaftaran SMS yang berjaya dihantar kepada Nombor Ditetapkan (“Pengesahan SMS”), tertakluk kepada trafik SMS di rangkaian Telko masing-masing. Pengesahan SMS ini dijana secara automatik untuk mengesahkan penerimaan Pendaftaran SMS yang dihantar dan TIDAK boleh dianggap sebagai pengesahan Pemegang Kad Layak berjaya didaftarkan bagi Kempen dengan syarat nombor Kad Pengenalan dan nombor telefon bimbit sama seperti yang direkodkan dalam sistem HLB.
8. Jika sekiranya SMS yang dihantar itu tidak lengkap / tak sah, maka Pemegang Kad Layak akan diberitahu melalui SMS tanpa dikenakan bayaran kepada Pemegang Kad Layak supaya mendaftar semula melalui SMS atau menghantar semula SMS untuk tujuan pendaftaran SMS.
9. Bukti Pendaftaran SMS yang dihantar kepada Nombor Ditetapkan oleh Pemegang Kad Layak tidak boleh dianggap sebagai pengesahan atau akuan penerimaan oleh Bank akan Pendaftaran SMS itu melainkan Pemegang Kad Layak telah menerima Pengesahan SMS mengikut Fasal 8 di atas dan Pengesahan SMS tersebut hanya akan dihantar kepada nombor telefon bimbit yang sama digunakan dalam Pendaftaran SMS.
10. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dan berhak atas budi bicara mutlak Bank tanpa menyatakan sebarang sebabnya untuk membatalkan mana-mana Pendaftaran SMS tak sah yang dihantar kepada Nombor Ditetapkan atas apa jua sebab sekalipun termasuk tetapi tidak terhad kepada menduplikasi Pendaftaran SMS, nombor KP Pemegang Kad Kredit Utama Bank yang tidak terdapat dalam rekod Bank atau tidak sama, penggunaan nombor KP Pemegang Kad Tambahan Bank dalam Pendaftaran SMS, format Pendaftaran SMS yang tidak betul, penghantaran Pendaftaran SMS yang tak berjaya atau terlewat.
11. Bank tidak bertanggungjawab terhadap, mahupun mempunyai apa jua kawalan sekalipun, terhadap kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan dan/atau kesesakan di pihak Telko masing-masing atau atas apa jua sebab sekalipun semasa penghantaran Pendaftaran SMS kepada Nombor Ditetapkan atau penghantaran Pengesahan SMS daripada Nombor Ditetapkan kepada Pemegang Kad Layak yang mungkin menyebabkan kelewatan Pendaftaran SMS dan Pengesahan SMS dihantar dalam Tempoh Kempen.

KAEDAH KEMPEN

12. Transaksi Layak adalah:
 - (a) Transaksi PIN yang merupakan kod rahsia 6-digit pilihan Pemegang Kad Layak yang perlu dimasukkan ke dalam POS atau apa-apa jenis peranti bayaran yang memerlukan input kod rahsia 6-digit, ini untuk mengesahkan dan menyempurnakan transaksi bayaran melalui get laluan Visa/MasterCard/MyDebit.
 - (b) Transaksi PIN juga ditakrifkan sebagai transaksi runcit dalam negeri dan/atau luar negeri menggunakan Kad Kredit dan/atau Kad Debit Bank dalam Tempoh Kempen yang dicatatkan dalam Ringgit Malaysia (RM).
 - (c) Termasuk transaksi Pelan Bayaran Lanjut (“EPP”) 0% Faedah yang dilaksanakan dalam Tempoh Kempen yang dicatatkan dalam Akaun Kad Kredit Bank Pemegang Kad Layak. Bagi EPP, amaun transaksi penuh hendaklah dianggap sebagai Transaksi Layak tunggal dalam Tempoh Kempen urus niaga itu dilaksanakan. EPP tidak termasuk semua transaksi insurans, pendahuluan tunai, Pindahan Baki, Pelan Bayaran Fleksi (“FPP”), pindahan dana, Call-for-Cash (“CFC”), pembalikan, fi dan/atau caj yang dikenakan oleh Bank dan dicatatkan ke dalam Akaun Kad Kredit dan/atau Kad Debit Pemegang Kad.
13. Transaksi Layak TIDAK meliputi :
 - a. Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, tipu atau menyalahi undang-undang;
 - b. Pembayaran Fi Keluaran / Fi Tahunan / Fi Pembaharuan Kad Kredit / Debit; atau
 - c. Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai (termasuk Caj Penalti) yang dikenakan oleh Bank
14. Penjejakan Transaksi Layak akan didasarkan pada tarikh transaksi (dan waktu berdasarkan Waktu Malaysia bagi Transaksi Layak) yang dicatatkan dalam sistem Bank sepanjang Tempoh Kempen, ini untuk menentukan kelayakan bagi Pulangan Tunai 30% sehingga RM100.00 (“Pulangan Tunai”) yang akan dijalankan selepas tamatnya Tempoh Kempen.
15. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Layak yang tidak mendaftar untuk Kempen ini tidak akan layak mendapat Pulangan Tunai dan hanya Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Pendaftaran SMS dan menerima Pengesahan SMS akan layak mendapat Pulangan Tunai (“Pemegang Kad Berdaftar”), tertakluk kepada Terma & Syarat di dalam ini.
16. Pemegang Kad Berdaftar yang melakukan Transaksi Layak (sepertimana ditakrifkan dalam Fasal 13 di atas) dengan sebarang amaun perbelanjaan runcit dalam satu resit menggunakan mana-mana Kad Kredit dan / atau Kad Debit Bank dalam Tempoh Kempen, akan berpeluang memenangi Pulangan Tunai atas Transaksi Layak tertinggi nilainya yang dilakukan dalam bulan sertaan sepanjang Tempoh Kempen, dengan cara seperti yang terpapar dalam Jadual Pulangan Tunai dalam Fasal 18 di bawah.

17. Jadual Pulangan Tunai

Tempoh	1-31 Jan 17 Kad Kredit	1-31 Jan 17 Kad Debit	1-28 Feb 17 Kad Kredit	1-28 Feb 17 Kad Debit	1-31 Mac 17 Kad Kredit	1-31 Mac 17 Kad Debit	1-30 April 17 Kad Kredit	1-30 April 17 Kad Debit	1-31 Mei 17Kad Kredit	1-31 Mei 17 Kad Debit	1-30 Jun 17 Kad Kredit	1-30 Jun 17 Kad Debit
Bil. Pemenang (unit)	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
Pulangan Tunai 30% atas transaksi POS tertinggi nilai dalam RM (had RM100)	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
Jumlah Bayaran Pulangan Tunai	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000

PEMENUHAN PULANGAN TUNAI DAN PEMILIHAN PEMENANG

18. Selepas tamatnya Tempoh Kempen, Pemegang Kad Berdaftar yang telah melakukan Transaksi Layak dalam Tempoh Kempen menggunakan Kad Kredit dan / atau Kad Debit aktif akan dipilih secara rambang berdasarkan kriteria pratentu yang ditetapkan oleh Bank (“Pemegang Kad Disaring”).
19. Pemegang Kad Disaring akan menerima SMS daripada Bank, mengandungi SATU (1) soalan dan arahan untuk menjawab, melalui nombor telefon mereka yang terkini yang diberi kepada Bank dan seperti terdapat dalam rekod Bank, Bagi mengelakkan keraguan, Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan / bertanggungjawab jika sekiranya Pemegang Kad Disaring itu gagal untuk / tidak dapat menerima SMS tersebut atas apa jua sebab sekalipun.
20. Pemegang Kad Disaring yang menjawab melalui SMS dalam rangka masa terpanjang dengan jawapan yang betul dan dalam format yang betul seperti yang diarahkan dalam SMS yang dihantar oleh Bank mengikut Fasal 20 di atas akan berpeluang untuk memenangi Pulangan Tunai (“Pemenang”), tertakluk kepada bilangan pemenang maksimum yang berhak iaitu DUA RATUS (200) Pemenang sebulan (seperti dinyatakan dalam jadual yang dilampirkan dalam Fasal 18 di atas), akan dipilih.
21. Jika sekiranya Pemegang Kad Disaring memberi jawapan salah dan / atau tidak menjawab soalan yang dihantar oleh Bank melalui SMS dalam masa DUA (2) hari kalendar, maka Pemegang Kad Disaring akan terlucah kelayakan bagi Promosi bulan berkenaan.
22. Pemegang Kad Disaring berhak memperoleh Pulangan Tunai hanya SATU (1) kali sebulan sungguhpun Pemegang Kad Disaring berhak mendapat Pulangan Tunai lebih daripada SATU (1) kali dalam Tempoh Kempen jika terpilih dan akhirnya muncul sebagai Pemenang.
23. Pengumuman Pemenang akan dibuat dalam Laman Web HLB di www.hlb.com.my dan laman web HLISB di www.hlisb.com.my (secara kolektif dikenali sebagai “Laman Web Bank”) dan melalui SMS dalam masa dua belas (12) minggu selepas Tempoh Kempen.

24. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit dan / atau Akaun Belian Runcit Kad Debit Pemenang dalam masa dua belas (12) minggu selepas Tempoh Kempen.

UMUM

25. Dengan menyertai Kempen, Pemegang Kad Layak bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini
26. Bank tidak akan bertanggungjawab, juga tidak akan menerima liabiliti apa jenis pun, dan bagaimana berbangkit atau dialami Pemegang Kad Layak dan / atau pihak ketiga berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen.
27. Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Am Akaun Bank, Terma & Syarat Kad Debit, Terma & Syarat Kad Kredit atau apa-apa terma dan syarat berkenaan yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
28. Pihak Bank berhak menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau berhak menggantung atau menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlak Bank dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank.
29. Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada Bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufilsan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi adalah **TIDAK** layak menyertai Kempen dan/atau **TIDAK** berhak mendapat Pulangan Tunai.
30. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
31. Perkataan yang menandakan satu gender adalah termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal adalah termasuk jamak dan begitulah sebaliknya

Akaun Semasa dan Akaun Simpanan yang ditag kepada Kad Debit adalah layak dilindungi oleh PIDM.